ROHAIZAD (tengah) menunjukkan gambar bungkusan tumbuhan kering disyaki dadah jenis ganja membabitkan dua kes berlainan iaitu dalam sebuah bagasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan dalam bungkusan kurier di Pusat Mel Kurier Pos Malaysia Berhad Pulau Pinang ketika sidang media di Stor Penguatkuasaan JKDM di Bagan Jermal. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

KASTAM RAMPAS BABIT RM1.81 JUTA DALAM DUA SERBUAN BERASINGAN

Patah cubaan seludup dadah

Nur Izzati Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengesan cubaan menyeludup dadah melalui laluan udara dan peket selepas membuat rampasan lebih 18.4 kilogram (kg) bunga ganja bernilai hampir RM1.81 juta dalam dua serbuan berasingan Mac lalu.

Pengarah Kastam Pulau Pinang Rohaizad Ali berkata, pihaknya menerima maklumat pada 4 Mac, kira-kira jam 11.35 pagi, berhubung sebuah bagasi penerbangan dari China yang tidak mempunyai pengenalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

"Susulan itu, pegawai operasi dari Pejabat Kastam Cawangan Pemeriksaan Penumpang (CPP) LTAPP membuat pemeriksaan dan menemukan 29 bungkusan lut sinar mengandungi tumbuhan kering dipercayai bunga ganja.

"Anggaran berat kasar tumbuhan kering itu sekitar 16,210 gram (16.21kg) yang nilai pasarannya hampir RM1.6 juta," katanya di Stor Penguatkuasaan JKDM negeri di Bagan Jermal, di sini, semalam.

Kastam menerima maklumat pada 4 Mac berhubung sebuah bagasi penerbangan dari China

Rohaizad berkata, serbuan kedua dibuat pada 16 April, jam 1 tengah hari, di Pusat Mel Kurier (PMK), Pos Malaysia Berhad, di sini, apabila pihaknya dimaklumkan mengenai satu paket yang ingin dihantar ke United Kingdom (UK) namun diserahkan kembali berikutan tiada penerimanya.

"Semakan pada borang mendapati paket itu diikrar mengandungi sembilan unit buku komik.

"Bagaimanapun, hasil pemeriksaan yang dijalankan terhadap bungkusan itu dengan bantuan Anjing Pengesan Dadah (APD) menemukan empat bungkusan mengandungi tumbuhan kering dipercayai ganja seberat 2,236 gram (lebih 2.2 kg) bernilai RM219,128," katanya.

Katanya, pihaknya masih mengesan pemilik bagasi serta paket untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Rampasan vape bernilai RM5.14j

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 86,086 unit peranti rokok elektronik (vape) dan 996.5 liter cecair bernilai lebih RM5.14 juta termasuk cukai dalam dua serbuan berasingan April lalu.

Pengarah JKDM Pulau Pinang, Rohaizad Ali berkata, rampasan itu dibuat terhadap dua kontena dari China yang masuk ke Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini, pada 3 April jam 1.15 tengah hari dan Pelabuhan Klang, Selangor, pada 10 April kira-kira jam 11 pagi.

Katanya, dagangan yang dibawa masuk itu pada lampiran borang pengisytiharan diikrarkan sebagai plastik dan barangan lain antaranya dompet serta tali pinggang.

"Namun, pada pemeriksaan di Pelabuhan NBCT menemui sejumlah 14,200 unit vape dan 210 liter cecair bernilai lebih RM1.5 juta termasuk cukai yang tidak diikrarkan semasa pengimportan bersama-sama dengan barangan lain.

"Perkara sama juga berlaku dalam pemeriksaan di Pelabuhan Klang apabila kita menemui sejumlah 71,886 unit vape dan 786.5 liter cecair bernilai lebih RM3.64 juta termasuk cukai yang membuat ikrar (dagangan) tidak betul," katanya di Stor Penguatkuasaan JKDM negeri di Bagan Jermal, di sini, semalam.